

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH  
[PUTATAN]**

**TARIKH : 25.10.2017**

**SOALAN :**

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan:**

- (a) apakah alasan dan mengapa, Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dimansuhkan; dan
- (b) apakah jenis rancangan alternatif dan pandangan kerajaan terhadap pandangan mereka yang mengkehendaki ujian ini diteruskan bagi membolehkan murid-murid meneruskan pengajian mereka ke peringkat pengajian tinggi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

(a) dan (b)

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kementerian Pendidikan Malaysia tidak bercadang untuk memansuhkan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR). UPSR masih relevan sebagai medium untuk melapor dan merekod pencapaian serta penguasaan akademik dan bukan akademik murid di peringkat sekolah rendah,